

20 FEB 1999

Sabah-Pelancongan

SABAH MAHU LEBIH BANYAK PENERBANGAN ANTARABANGSA

KOTA KINABALU, 20 Feb (Bernama) -- Sektor pelancongan Sabah mahu lebih banyak penerbangan antarabangsa mendarat ke negeri itu.

Perkara itu merupakan satu daripada permintaan yang dibuat oleh wakil-wakil industri pelancongan Sabah dalam mesyuarat tertutup bersama Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini, hari ini.

"Perdana Menteri telah bersetuju untuk mengkaji permintaan kita khasnya dalam meningkatkan kekerapan penerbangan antarabangsa ke Sabah," kata Pengerusi Persatuan Hotel Antarabangsa Sabah, John Lo selepas mesyuarat itu.

Dr Mahathir berada di sini kerana lawatan tiga hari ke Sabah bermula Khamis lepas.

Lo berkata, industri pelancongan Sabah mengharapkan lebih banyak penerbangan terus dari Tokyo dan Osaka di Jepun serta Sydney dan Melbourne di Australia mendarat di Kota Kinabalu.

Beliau berkata, di samping penerbangan dari empat destinasi itu, Sabah juga mahu melihat peningkatan dalam bilangan syarikat penerbangan serantau menjadikan Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu sebagai tempat persinggahan.

Lo yakin yang Sabah akan menyaksikan lebih banyak penerbangan antarabangsa mendarat di negeri itu dalam tempoh terdekat bagi membolehkan ia menikmati lebih banyak pendapatan daripada sektor itu.

Beliau berkata, tahun lepas Sabah hanya menikmati kadar penginapan 38 peratus. Sehingga hari ini Sabah mempunyai 7,200 bilik hotel.

Negeri itu menyaksikan sejumlah 264,900 ketibaan antarabangsa tahun lepas berbanding 159,700 pada 1997.

Rakyat Taiwan merupakan bilangan pelancong paling ramai ke negeri itu tahun lepas dengan 57,300 orang diikuti oleh rakyat Jepun dan Brunei masing-masing 10,500 dan 10,000 orang.

-- BERNAMA

SJA PR